

NAMA :

TINGKATAN:

2.2.1 BERIKAN MAKSUD PERKATAAN BERWARNA MERAH DALAM PETIKAN

Baca surat permohonan jawatan di bawah. Kemudian, kenal pasti maksud perkataan berwarna merah yang terdapat dalam surat ini dengan betul.

Compose to: azlan75@gmail.com

Memohon Jawatan Cef

Fakrul bin Osman,
No. 74 Jln. 7A/6,
Bandar Tasik Puteri,
08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman.

Pengurus,
Hotel Sri Kenanga,
Jalan Bunga Raya,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

16 JULAI 2022

Tuan,

Permohonan Mengisi Kekosongan Jawatan Cef

Saya dengan hormatnya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Berhubung dengan iklan kekosongan jawatan cef yang disiarkan dalam laman sesawang pihak tuan pada 12 Julai 2022, saya berminat untuk memohon jawatan tersebut. Untuk makluman tuan, saya mempunyai kelayakan Diploma Seni Kulinari daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), pengkhususan dalam bidang penyediaan pastri, kek, dan roti.

3. Selain itu, saya mempunyai pengalaman bekerja sebagai cef di Restoran Eagle, Langkawi selama lapan tahun. Saya dipertanggungjawabkan untuk urusan dapur, merancang menu, menjaga kualiti makanan, dan mengenal pasti cita rasa pelanggan. Sekiranya saya ditawarkan jawatan ini, saya bersedia untuk bekerja mengikut syif dan bekerja lebih masa. Bersama-sama ini saya sertakan salinan resume untuk rujukan tuan.

4. Saya berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan ini. Kerjasama dan perhatian tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,
Fakrul
(FAKRUL BIN OSMAN)

Perkataan		Maksud
cef	→	← senarai masakan yang disajikan pada sesuatu hidangan
sesawang	→	← kegemaran dan kecenderungan
kulinari	→	← keterangan ringkas tentang maklumat diri, pendidikan, pengalaman kerjaya seseorang
pastri	→	← tempoh kerja yang dijadualkan
cita rasa	→	← tukang masak utama di hotel, restoran dan sebagainya
menu	→	← hal berkaitan dengan masak-memasak
kualiti	→	← jaringan
syif	→	← adunan tepung dengan air, mentega atau bahan lemak yang lain
resume	→	← mutu

Gunakan perkataan berwarna merah tersebut supaya ayat di bawah menjadi gramatis.

1. Setiap kali ibu saya bekerja malam ayahlah yang akan menguruskan hal adik-adik di rumah.
2. Sebelum memohon kerja di syarikat yang menawarkan jawatan kosong, sebaiknya setiap graduan menyediakan terlebih dahulu.
3. Bidang seni dapat membantu seseorang itu meningkatkan kemahiran dalam masakan dan penyediaan makanan.

4. Rancangan yang diterbitkan oleh syarikat televisyen mestilah pelbagai mengikut penontonnya yang berbeza.
5. yang diambil setiap hari mestilah seimbang mengikut piramid makanan.
6. Punca pencemaran sungai mestilah dicegah supaya air sentiasa terjaga.
7. Semua murid digalakkan melayari laman Kementerian Pendidikan Malaysia supaya mendapat maklumat yang tepat tentang sesi persekolahan.